

# → INSPIRASI

## Reaksi



**Pengasingan tempat duduk dapat menjamin keselamatan saya ketika dalam bas, selain tidak segan atau malu tidur kerana penumpang di sebelah juga seorang wanita**

**Nur Amirah Eiderudin,**  
Pelajar Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah



**Saya memilih perkhidmatan TransMalaya Ekspres kerana menyediakan perjalanan terus dari Kuantan ke Jerantut, yang tidak banyak disediakan syarikat lain**

**Farah Huda Liyana Abdul Halim,**  
Penumpang



**Polisi ini secara tidak langsung memberi keyakinan kepada golongan wanita untuk memilih perkhidmatan TransMalaya Ekspres kerana keselamatan mereka lebih terjamin sepanjang berada dalam bas**

**Amir Khairul Amri Budiman,**  
Ketua Pegawai Eksekutif KRZ Management

BH  
28/12/2016  
ms 3

**BH PLUS**  
di [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)  
untuk lebih gambar dan video

[FOTO LUQMAN HAKIM ZUBIR/BH]



## Info

### TransMalaya Ekspres

- **Kendalian** KRZ Management Sdn Bhd berpusat di Jerantut, Pahang.
- **Milik pasangan** suami isteri, Amir Khairul Amri Budiman Khairuddin dan Noorlini Ramli.
- **Beroperasi** dengan 2 bas dilengkapi 44 tempat duduk.
- **Pengasingan** penumpang lelaki dan wanita dibuat sejak Februari lalu.
- **Laluan 4** daerah di Pahang iaitu Kuantan, Jengka, Jerantut dan Temerloh.
- **Laluan 4** daerah di Terengganu, iaitu Kemaman, Dungun, Paka dan Terengganu



**Amir Khairul bersama bas syarikatnya** yang menggunakan kaedah pengasingan penumpang lelaki dan wanita.

**Penumpang bas TransMalaya Ekspres** diasingkan antara lelaki dan wanita untuk keselesaan dan keselamatan.

# Penumpang bas lelaki, wanita dipisah

➔ Inisiatif KRZ Management tingkat keyakinan pengguna, elak kejadian tak diingini

Oleh Nurul Nadira Shaari  
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

**D**emi keselamatan dan kesejahteraan wanita, yang ada kalanya terdedah kepada gangguan ketika menaiki bas, TransMalaya Ekspres, yang berpusat di negeri ini, mengambil langkah mengasingkan tempat duduk penumpangnya.

Inisiatif itu diambil pasangan suami isteri selaku pemilik KRZ Management Sdn Bhd, Amir Khairul Amri Budiman Khairuddin dan Noorlini Ramli, masing-masing 31 tahun, bagi mengelak insiden tidak diingini dalam bas syarikat mereka.

Amir Khairul Amri Budiman selaku Ketua Pegawai Eksekutif KRZ Management, berkata polisi itu diperkenalkan sejak Februari lalu dan setakat ini, syarikat itu satu-

satunya pengusaha bas ekspres di negeri ini, melaksanakan pengasingan antara penumpang lelaki dan wanita.

“Selepas saya dan isteri berbin-cang dengan kakitangan, kami menetapkan polisi pengasingan tempat duduk bagi mengelak berlakunya perkara negatif ketika dalam bas seperti gangguan seksual serta ketidakselesaan penumpang wanita untuk tidur.

## Keselamatan terjamin

“Kebanyakan penumpang yang memilih perkhidmatan bas kami, terdiri daripada pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) dan sekolah berasrama penuh dengan 90 peratus daripadanya adalah golongan wanita.

“Polisi ini secara tidak langsung memberi keyakinan kepada golongan wanita untuk memilih perkhidmatan TransMalaya Ekspres kerana keselamatan mereka lebih

terjamin sepanjang berada dalam bas,” katanya ketika ditemui *BH* di Terminal Sentral Kuantan (TSK) di sini.

Beliau yang juga graduan Diploma Seni dan Reka Grafik daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM), Machang, Kelantan, berkata petugas kaunter syarikat itu akan bertanya terlebih dahulu kepada pelanggan yang membeli tiket.

“Pelanggan perlu menyatakan siapa yang akan menaiki bas supaya mereka dapat diberikan tempat duduk betul bagi melancarkan operasi.

“Bagaimanapun kita memberi kelonggaran kepada pasangan suami isteri untuk mendapat tempat duduk yang sama dalam bas, tetapi perlu menunjukkan kad perakuan sah kepada penjaga kaunter,” katanya.

Pelajar Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) di sini, Nur Amirah Eiderudin, 20, menyokong

langkah itu kerana memberi penyelesaian kepada penumpang se-pertinya yang sering mengguna perkhidmatan TransMalaya Ekspres untuk pulang ke Jengka, Maran.

## Harga tiket berpatutan

“Pengasingan tempat duduk dapat menjamin keselamatan saya ketika dalam bas, selain tidak segan atau malu tidur kerana penumpang di sebelah juga seorang wanita,” katanya.

Penumpang, Farah Huda Liyana Abdul Halim, 18, berkata dia memilih perkhidmatan TransMalaya Ekspres kerana menyediakan perjalanan terus dari Kuantan ke Jerantut, yang tidak banyak disediakan syarikat lain.

“Harga tiket juga berpatutan, selain selesa dan cepat tiba ke destinasi,” katanya yang menjadi pelanggan tetap bas itu setiap kali pulang ke kampung di Jerantut.